



Alam Maritim In The News

Media: Berita Harian

Tarikh: Selasa Disember 1, 2009

AMLI, TH beli kapal

ALAM Maritim Resources Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Alam Maritim (L) Inc (AMLI) menandatangani perjanjian kerjasama dengan Lembaga Tabung Haji (TH) untuk melabur serta memiliki kapal pembekal tunda pengendali sauh bernilai AS\$121.5 juta (RM410.67 juta).

Enam kapal itu merangkumi empat kapal pembekal tunda pengendali sauh 5150 bhp dengan keupayaan DP1 dan dua kapal pembekal tunda pengendali sauh 12,180 bhp dengan keupayaan DP2, katanya menerusi kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam.

Berdasarkan perjanjian pemegang saham dimeterainya, AMLI dan TH menggabungkan TH-Alam Holdings (L) Inc (TH-Alam) dengan modal berbayar dibenarkan AS\$39.314 juta

"AMLI dan TH masing-masing melanggan 49 peratus dan 51 peratus dalam TH-Alam bagi sejumlah AS\$19.263 juta dan AS\$20.050 juta," katanya.